



Rejimen 504 AW sasar penyertaan 330 rekrut baharu dari IPT Perlis

Mei 25, 2023 @ 9:14am



Jumlah itu disasarkan selepas Rejimen 504 AW menandatangani MoA bersama 11 IPT di Perlis. - Foto FB

LANGKAWI: Rejimen 504 Askar Wataniah (AW) menyasarkan penyertaan sebanyak 330 rekrut baharu pasukan simpanan itu daripada institusi pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta di seluruh Perlis setiap tahun.

Pemangku Raja Perlis, Brig Jen Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail, bertitah usaha itu adalah sebahagian daripada inisiatif Rejimen 504 AW dalam fasa pembangunan pasukan simpanan pertahanan negara.

"Rejimen 504 AW menyasarkan jumlah itu selepas menandatangani memorandum perjanjian (MoA) bersama 11 IPT yang terdapat di Perlis," titah baginda yang juga Komander Rejimen 504 AW di sini, malam tadi.

Baginda bertitah demikian selepas menyaksikan Majlis Menandatangani MoA membabitkan empat IPT iaitu Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs), Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perlis.

Timbalan Komander Lt Kol Lasahi Laiji menandatangani memorandum itu bagi pihak Rejimen 504 AW.

Pihak IPT pula diwakili oleh Naib Canselor UniMAP, Prof Datuk Dr Zaliman Sauli; Koordinator Latihan dan Strategik Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES), UiTM Arau Dr Khairul Afendy Hashim; Pengarah Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin Mej (Kehormat) Abdul Malek Hassan dan Rektor KUIPs, Prof Dr Muhamad Rozaimi Ramle.

Berangkat sama, Raja Puan Muda Perlis Mej (Kehormat) Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil yang berada di Langkawi untuk menghadiri Pameran Maritim dan Aeroangkasa Antarabangsa Langkawi (LIMA '23).

"Daripada jumlah itu, rejimen ini menyasarkan setiap institusi mampu merekrut seramai 30 pelajar setahun menjadikan jumlah keseluruhan 330 anggota baharu bagi setiap tahun," titah baginda dan menambah pelan itu dilaksanakan melalui kolaborasi antara rejimen itu bersama pihak awam menerusi tiga fasa.

Tuanku Syed Faizuddin bertitah, fasa pertama membabitkan IPT awam dan fasa kedua pula bersama agensi kerajaan serta swasta, manakala fasa berikutnya kolaborasi bersama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) serta Ahli Jawatankuasa Masjid.

"Usaha ini sejajar dengan Pelan Strategik Hala Tuju Askar Wataniah 2022-2030 bagi mencapai 80,000 pengambilan anggota sukarela menjelang 2025," titahnya.

Titah baginda, objektif utama rejimen adalah untuk mencapai kekuatan anggota kepada nisbah satu bilangan anggota tetap dan perlu mengukuhkan lagi strategi promosi serta pengambilan agar lebih efisien dan efektif.– BERNAMA